

6 nelayan ditahan bawa hasil laut spesies terancam

BH 30/09/23 ms 20

Kudat: Enam nelayan termasuk empat warga asing yang menaiki dua bot membawa hasil laut spesies terancam ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) di perairan daerah ini, Rabu lalu.

Kedua-dua bot ditahan *KM Ikhlas* ketika operasi di lokasi kira-kira 58 batu nautika Barat Laut Simpang Mengayau, di sini, pada jam 12.35 tengah hari.

Pengarah Zon Maritim Kudat, Komander Maritim Maurice Grenville Abeyeratne, berkata tangkapan dan rampasan itu dijalankan berdasarkan maklumat risikan yang diterima.

Katanya, pemeriksaan terhadap bot pertama mendapati terdapat dua individu warga Filipina dan seorang warga Indonesia yang mengendalikan bot berkenaan.

“Pemeriksaan lanjut menemui sejumlah 35 karung berisi ikan buntal dianggarkan 630 kilogram (kg), kerang kering (kima) 76 karung dianggarkan seberat 1,368kg, penyu kering yang diisi dalam 39 karung dan 14 kotak seberat 865kg.

“Selain itu, turut ditemui dua karung berisi sipit kering (kahanga) anggaran berat 30kg, kuda laut dengan berat 6kg, satu karung berisi sirip ikan yu, enam kotak berisi ikan beku (maming napoleon) serta satu kotak berisi 25 ekor,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Maurice Grenville berkata, sebuah lagi bot diperiksa didapati membawa muatan hampir 2,100kg kima dan ikan buntal kering sejumlah 375kg.

“Bot berkenaan dikendalikan dua warga tempatan berusia 50 dan 57 tahun dan seorang lagi warga Filipina berusia 45 tahun.

“Semua suspek bersama bot dan barang rampasan ditahan dan dibawa ke jeti untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat Zon Maritim Kudat bagi tindakan lanjut” katanya.

Katanya, nilai keseluruhan rampasan termasuk kedua-dua bot pancing itu dianggarkan RM1.5 juta.

“Kes disiasat mengikut Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008, Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997.

“Kes turut disiasat mengikut Akta Perikanan 1985, Akta Kastam 1966, Akta Imigresen 1959/1963 kerana disiasat memiliki dokumen pengenalan diri meragukan dan Enakmen Pelabuhan dan Dermaga 2002 serta Peraturan-Peraturan Pelabuhan dan Dermaga 2008,” katanya.